



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

Bahagian Kewangan Dan Akaun

Aras 11, No. 2, Menara 2,

Jalan P5/6, Presint 5,

62200 PUTRAJAYA

MALAYSIA

<http://www.mohe.gov.my>

Tel : 603 – 8870 6000

Faks (Fax) : 603 – 8870 6816

Laman Web (Web) :

SULIT

Rujukan Kami : KPT.BKA(S).400-5/17/25 (6)

Tarikh : 25 Januari 2021

Ketua Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia
Lorong Produktiviti, Jalan Sultan
46200 Petaling Jaya
SELANGOR

YBhg. Dato',

PELANJUTAN TEMPOH KONTRAK BAGI PEROLEHAN PERUNDING KAJIAN DASAR DI BAWAH DANA EDUCATION POLICY STUDIES - KAJIAN IMPAK PELAKSANAAN PROGRAM KEUSAHAWANAN INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI
NO. KONTRAK: KPM 600-2/1/7 (24)

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah **MELULUSKAN** pelanjutan tempoh kontrak bagi Perolehan Perunding Kajian Dasar Di Bawah Dana *Education Policy Studies* - Kajian Impak Pelaksanaan Program Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi dengan pihak *Perbadanan Produktiviti Malaysia* bagi tempoh sebelas (11) bulan mulai 1 April 2020 hingga 28 Februari 2021 tanpa sebarang kos tambahan.

3. Harga kontrak adalah termasuk peruntukan Kerajaan sebanyak 6% cukai perkhidmatan memandangkan perkhidmatan ini dikenakan cukai perkhidmatan dan syarikat tuan telah berdaftar dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Pembayaran cukai perkhidmatan ini adalah dikira berdasarkan tuntutan sebenar dan tarikh kuat kuasa pendaftaran syarikat YBhg. Dato' dengan JKDM.

4. Kelulusan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

a) Tempoh kontrak adalah seperti yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak;

Tandatangan & Cop (Kerajaan):

Tandatangan & Cop (Syarikat):



1 daripada 3

SULIT

- b) Pihak syarikat menandatangani satu (1) **Perjanjian Tambahan** dengan pihak Kementerian;
 - c) Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan Malaysia sentiasa berkuat kuasa sepanjang tempoh pelanjutan tempoh kontrak; dan
 - d) Tiada pertambahan kos yang terlibat sepanjang tempoh pelanjutan tempoh kontrak.
5. Sekiranya syarikat YBhg. Dato' gagal mematuhi mana-mana terma di perenggan 4 atau arahan oleh Kerajaan, Kerajaan berhak untuk tidak mempertimbangkan sebarang tawaran kontrak baharu atau pelanjutan kontrak pada masa hadapan kepada syarikat YBhg. Dato'.
6. Pihak YBhg. Dato' adalah dipohon untuk mengemukakan Akuan Surat Setuju Terima seperti di **Lampiran A** dalam tempoh **tiga (3) hari** dari tarikh surat ini untuk tindakan selanjutnya pihak Kementerian.
7. Kerjasama pihak YBhg. Dato' berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(MOHD RIZAL BIN ABIDIN)
Timbalan Setiausaha Bahagian
Bahagian Kewangan dan Akaun
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pengajian Tinggi

Tandatangan & Cop (Kerajaan):
Tandatangan & Cop (Syarikat):




PENGAKUAN PENERIMAAN SURAT SETUJU TERIMA DAN LAMPIRAN YANG BERKAITAN OLEH SYARIKAT

Dengan ini disahkan bahawa yang bertandatangan di bawah ini mengakui penerimaan Surat ini dan lampiran yang berkaitan yang rujukannya ialah KPT.BKA(S).400-5/17/25 (6) bertarikhJanuari 2021 dan bersetuju dengan terma dan syarat yang terkandung dalam Surat ini tanpa syarat yang mana salinan kepada Surat ini telah pun disimpan, dan selanjutnya disahkan bahawa tiada apa-apa terma, syarat atau stipulasi tambahan kepada yang terkandung dalam dokumen sebut harga dan Surat ini telah dikenakan.


.....
DATO' ABDUL LATIF HJ ABU SEMAN
Ketua Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)
Nama Penuh Pemilik :
No. Kad Pengenalan : 61052906 S073
Alamat :

Tarikh : 3/3/2021


.....
Nama Penuh Saksi : Sugumar Saminathan
No. Kad Pengenalan : 650711025373
Alamat :
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)
Lorong Produktiviti, Jalan Sultan
46200 Petaling Jaya, Selangor
Tarikh : 9 Februari 2021

Meterai atau Cop Syarikat

Tandatangan & Cop (Kerajaan):

Tandatangan & Cop (Syarikat):



3 daripada 3

SULIT